

# Gaji naik tanpa mogok

REMAU: Kerajaan berusaha menarik pelaburan asing sebagai strategi meningkatkan kadar upah tanpa memerlukan kesatuan sekerja mengambil tindakan perusahaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan dasar perindustrian negara menyebabkan masalah kekurangan peluang pekerjaan tidak berlaku, sebaliknya negara tidak mempunyai

cukup pekerja sehingga terpaksa mengambil pekerja asing.

Menurutnya, peluang pekerjaan yang banyak menyebabkan pengusaha kilang berlumba-lumba mencari pekerja termasuk sanggup menawarkan kadar upah yang tinggi.

"Inilah strategi kita kerana di negara lain, upah dinaikkan melalui tindakan perusahaan. Kerajaan tidak inginkan perkara ini berlaku kerana ia bukan

saja merugikan majikan, tetapi negara," katanya ketika merasmikan kilang Nestle di Kawasan Perindustrian Chembong dekat sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; Pengerusi Nestle (Malaysia) Bhd, Jen (B) Tan Sri Mohd Ghazali Seth dan Pengarah Urusan Nestle, Datuk Frits Van Dijk.